

Kastam denda 100 syarikat gagal daftar GST
The Malaysian Insider
March 2, 2015

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengenakan kompaun RM15,000 kepada 100 syarikat yang gagal mendaftar untuk cukai barang dan perkhidmatan (GST) sehingga tarikh akhir pendaftaran pada 28 Februari lalu.

Pengarah GST JKDM, Datuk Subromaniam Tholasy berkata kompaun tersebut dikenakan susulan operasi yang dilaksanakan oleh JKDM di Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu semalam.

Operasi digerakkan sepenuhnya hari ini bagi mengesan syarikat-syarikat degil menerusi notis yang dihantar kepada mereka tiga minggu lalu.

"Kami ada perincian dan alamat mereka dan akan memaksa mereka mendaftar untuk GST. Kami tidak akan bawa mereka ke mahkamah melainkan mereka gagal membayar kompaun tersebut dalam tempoh 14 hari," katanya kepada Bernama.

Dalam usaha mengukuhkan kedudukan fiskal negara, kerajaan akan menguatkuasakan GST bermula 1 April ini dan semua syarikat yang berpendapatan tahunan RM500,000 ke atas diwajibkan mendaftar untuk GST.

Mengulas lanjut, Subromaniam berkata tempoh pendaftaran yang diberi sehingga 28 Februari lalu adalah mencukupi bagi syarikat berbuat demikian.

"Mereka yang tidak mendaftar GST ini mempunyai kelebihan dari segi daya saing. Ini tidak adil kepada syarikat yang mematuhi undang-undang selain turut menimbulkan kekeliruan," katanya.

Mengenai persediaan melaksanakan GST, beliau berkata jabatan itu sedang bekerja keras bagi memastikan peralihan kepada rejim percukaian baharu tersebut berjalan lancar.

"Sistem sudah siap, namun kebimbangan utama saya ialah persediaan perniagaan kerana kegagalan memahami garis panduan GST akan menyebabkan mereka menghadapi masalah terutama pada peringkat awal pelaksanaan," katanya.

Sehubungan itu, Subromaniam menasihati pemilik perniagaan agar membaca dan memahami garis panduan berkaitan yang disediakan menerusi portal GST JKDM atau menghubungi pejabat kastam jika mereka memerlukan penjelasan lanjut.

Beliau berkata pemilik perniagaan yang berdaftar juga boleh mengambil peluang daripada sesi bimbingan selama dua hari yang sedang berlangsung, bagi membantu mereka bersedia untuk pelaksanaan GST.

Setakat 28 Februari lalu, 345,376 syarikat berdaftar untuk GST. Sebelum ini tarikh akhir pendaftaran ialah pada 31 Dis tahun lalu namun dilanjutkan sehingga 28

Februari. – Bernama, 2 Mac, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kastam-denda-100-syarikat-di-denda-gagal-daftar-gst>